

07/04/1999

Projek kerajaan elektronik bermula

USAHA negara membangunkan kerajaan elektronik hari ini semakin ketara dengan termeterainya perjanjian antara kerajaan Malaysia dengan sebuah konsortium bagi melaksanakan projek Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dalam pekhidmatan awam.

Kerajaan Malaysia hari ini menandatangani kontrak HRMIS bernilai RM99 juta bagi aplikasi perdana kerajaan elektronik di bawah projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd.

Projek HRMIS itu bertujuan menyediakan satu bentuk pengurusan sumber manusia dengan lebih cekap dalam perkhidmatan awam yang merangkumi semua aspek pembangunan sumber manusia bermula dari tarikh seseorang kakitangan itu dilantik hinggalah ke hari persaraannya.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali menandatangani kontrak itu bagi pihak kerajaan manakala Pengerusi Eksekutif MRCB Datuk Khalid Ahmad mewakili pihak konsortium yang mengandungi 18 syarikat itu.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu.

Abdul Halim berkata dengan pelaksanaan HRMIS ia akan dapat menentukan pengagihan sumber manusia yang lebih berkesan di antara agensi kerajaan dan mengesan tahap penggunaan sumber manusia di setiap unit dan agensi dengan lebih cepat.

"Ini akan membolehkan perancangan yang lebih berkesan iaitu sumber tenaga yang berlebihan dapat digemblengkan untuk faedah agensi yang berkurangan. Prestasi perkhidmatan awam akan meningkat jika kebolehan dan kemahiran pegawai dan staf dipadankan dengan keperluan jawatan," katanya.

Beliau berkata projek HRMIS itu akan dilaksanakan dalam dua fasa, dengan fasa pertama membabitkan 10 buah agensi perintis iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif (SMPKE) Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Amanah Rakyat (Mara), Kerajaan Negeri Sarawak, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya fasa kedua akan membabitkan peluasan projek ke semua jabatan dan agensi kerajaan yang lain meliputi semua jenis perkhidmatan persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun persekutuan dan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Tempoh pembangunan dan pelaksanaan projek HRMIS bagi fasa pertama dijangka mengambil masa 24 bulan manakala keseluruhan projek akan mengambil masa 42 bulan.

Konsortium itu antara lain akan bertanggungjawab untuk membuat pengurusan, pembangunan, pembekalan, pemasangan, penyenggaraan serta khidmat sokongan HRMIS kepada kerajaan.

Abdul Halim berkata kerajaan yakin konsortium berkenaan dapat melaksanakan projek itu kerana pemilihannya adalah berasaskan penilaian melalui Konsep Bagi Cadangan Diminta untuk kerajaan elektronik pada tahun 1997.

Pada persidangan berita selepas majlis itu, Abdul Halim, semasa ditanya mengenai struktur baru perkhidmatan awam, berkata ia pasti akan berubah mengikut keperluan perkhidmatan.

Mengenai kekuatan perkhidmatan awam pula, beliau berkata saiznya bergantung kepada keperluan pada satu-satu perkhidmatan berdasarkan

keadaan semasa.

"Sebagai contoh, perkhidmatan perguruan dan doktor (perubatan) pasti akan bertambah mengikut peningkatan jumlah penduduk tetapi ada perkhidmatan lain akan dikurangkan jumlah kakitangannya," katanya.

Abdul Halim memberi jaminan bahawa kakitangan jabatan yang akan dikurangkan jumlahnya, tidak akan dibuang sebaliknya akan diberi latihan semula untuk diserapkan dalam perkhidmatan lain.

(END)